

**PERSAINGAN...**terlalu tinggi persaingan yang berlaku antara graduan menjadikan peluang mereka memperoleh pekerjaan sama rata biarpun mempunyai pencapaian berbeza. - Gambar hiasan

**PILIHAN...**memang banyak pilihan kerjaya yang ditawarkan majikan, tetapi mereka juga selektif dalam memilih calon bagi memastikan kriteria dikehendaki dapat dipenuhi. - Gambar hiasan



# Graduan perlu buka minda

Dengan keputusan cemerlang bukan semua bernasib baik malah ada terpaksa bersaing dengan ribuan graduan lain



**SITI SURIANI...**sukar bersaing.



Justeru, tidak usah hairan jika graduan yang memiliki keputusan cemerlang sukar bersaing mendapatkan pekerjaan berbanding mereka yang hanya mempunyai kelayakan sederhana seperti sijil atau diploma.

"Sekeping ijazah dan keputusan cemerlang bukan lagi penanda aras graduan itu berkebolehan melaksanakan tugas sebaliknya majikan mencari sesuatu yang

**>>Oleh Ruhaiza Rusmin**  
ruhaizarusmin@hmetro.com.my

JIKA dulu graduan dengan keputusan cemerlang sering menjadi pilihan majikan, senario alaf baru menyaksikan graduan bertahap sederhana pula laku seperti goreng pisang panas.

Meskipun dengan keputusan cemerlang, bukan semua bernasib baik malah ada juga terpaksa berhempas pulas bersaing dengan ribuan graduan lain mencari pekerjaan.

Sebaliknya, mereka hanya memiliki sijil kemahiran serta kelayakan lebih rendah mudah pula memancing hati majikan hingga menimbulkan pertanyaan, apakah kecemerlangan graduan ini tidak bermakna.

Adakah senario ini isyarat bahawa keputusan cemerlang bukan lagi jaminan graduan itu tidak akan bergelar 'penganggur terhormat'?

Atau adakah dunia pendidikan dan kerjaya hari ini sebulat suara tidak mementingkan lagi keputusan cemerlang sebagai syarat utama menawarkan pekerjaan sebaliknya perlu diseimbangkan dengan kehendak semasa?

Ketua Program Komunikasi dan Pengarah Kewartawanan Universiti Sains Islam Malaysia (Usim), Siti Suriani Othman, berkata trend majikan kini lebih mengkhusus kepada mereka yang berkemahiran serta memiliki personaliti positif menjadikan graduan biarpun mempunyai keputusan cemerlang sebagai pilihan kedua.

Beliau berkata, keputusan atau ijazah bukan lagi jaminan mereka mudah diterima bekerja andai kata tidak memiliki kriteria dikehendaki seperti pandai berkomunikasi, berani dan penuh idea.

"Jika memiliki ijazah dengan keputusan cemerlang, ia masih belum mencukupi untuk menambat hati majikan yang hari ini begitu selektif memilih pekerja.

"Dulu, golongan ini memang menjadi pilihan dan larisnya seperti goreng pisang panas. Kini, keadaan berbeza kerana dunia pekerjaan juga sudah semakin mencabar dan kompetitif

"Majikan bukan lagi mencari seorang pekerja yang hanya tahu menurut perintah semata-mata namun lebih kepada mereka yang mempunyai jiwa perjuangan supaya sama-sama boleh memajukan syarikat," katanya.

**SEIMBANG...**bukan tidak boleh menjadi ulat buku namun perlu juga pandai mengimbangkan diri dengan kemahiran lain bagi memancing perhatian majikan selepas tamat pengajian. - Gambar hiasan